



Headline	Qayyum dibayar RM70 sejam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	12	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	109 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,154
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,463



Qayyum dibayar RM70 sejam

“SAYA berjaya sehingga ke tahap ini selepas menyertai kursus teknikal MARA yang kurang diceburi orang lain sehingga membolehkan saya memperoleh gaji yang agak tinggi.

“Dengan mempunyai Certification Scheme For Personnel (CSWIP) 3.1 di Institut Kemahiran MARA (IKM) Jasin, saya dibayar gaji sehingga RM70 sejam atau memperoleh pendapatan lebih RM18,000 sebulan,”

kata Abdul Qayyum Abdul Razak (**gambar**) yang kini berkhidmat sebagai Inspektor Kimpalan Bebas.

Katanya, dia bersyukur kerana MARA menyediakan kursus-kursus yang kurang diceburi dan apabila diterima bekerja memperoleh pendapatan agak lumayan di samping diberi tanggungjawab yang besar.

“Apa yang menarik lagi tandatangan saya boleh digunakan sebagai satu jaminan atau untuk tuntutan insurans,” katanya walaupun berkhidmat tidak sampai tiga tahun dalam bidang kimpalan.

Abdul Qayyum kini berkhidmat dengan Moody International (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Anak kelahiran Seremban itu berkata, sebelum mendapat CSWIP dia melanjutkan pelajaran di UniKL Malaysia France Institute (MFI) dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Kimpalan dan Kawalan Kualiti dan Diploma Kejuruteraan Marin dan Reka Bentuk Kapal dari UniKL Malaysian Institute Of Marin Engineering Technology (MIMET).

“Walaupun beberapa institusi lain ada menawarkan kursus yang sama tetapi institusi MARA mempunyai kelainannya tersendiri,” katanya.

Beliau menjelaskan, satu lagi bidang yang jarang diceburi ialah pemeriksaan kimpalan bawah air yang turut menjanjikan pendapatan lumayan.

“Banyak kerja dalam bidang ini terdapat di pelantar-pelantar minyak di negara ini. Walaupun berada di tengah-tengah lautan tetapi banyak kepuasan boleh dinikmati,” katanya.

